

27/10/2001

Tindakan kerajaan jamin kesejahteraan rakyat

GEORGETOWN, Jumaat - Serangan terhadap Amerika Syarikat 11 September lalu mengubah tanggapan banyak pihak, termasuk masyarakat antarabangsa bahawa tindakan diambil negara ini sebenarnya adalah bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata tragedi itu juga memulihkan keyakinan pelbagai pihak terhadap kepemimpinan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kejadian yang meragut lebih 5,000 nyawa itu, menyedarkan masyarakat dalam dan luar mengenai kejayaan dasar negara ini, termasuk berkaitan ekonomi dan keselamatan.

"Pemulihan terhadap kepemimpinan Dr Mahathir jelas terutama apabila media asing berubah sikap dan menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri dan mula melihat dan mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam sederhana dan paling moden dalam masa singkat," katanya ketika ditemui selepas majlis perjumpaan bersama kakitangan agensi Kementerian Penerangan di Auditorium F, Komtar, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Penyiaran Wilayah Utara, Hashim Jaffrey, Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Rahmat Othman, Pemangku Pengarah Penerangan negeri, M Periasamy dan Ketua Biro Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) negeri, Amir Hamzah Md Sap. Kira-kira 100 kakitangan pelbagai agensi kementerian berkenaan juga hadir pada majlis itu.

Zainuddin berkata, keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan negara ini, selain didorong ketakutan kejadian serangan militan terhadap Amerika, juga membawa perpecahan dalam barisan pembangkang.

"Sebelum ini, media barat sering mengatakan kebangkitan militan berpunca daripada negara Islam yang sentiasa menekan rakyatnya.

"Bagaimanapun, Malaysia sebagai negara Islam mengamalkan demokrasi kepada rakyat berbilang kaum hingga Dr Mahathir memperoleh pengiktirafan media asing," katanya.

Sementara itu, Periasamy ketika menyampaikan taklimat, berkata sasaran Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) akan ditubuhkan di semua 33 kawasan Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang menjelang 2004.

(END)